

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) apakah pelan rancangan Kementerian untuk memastikan tahap keselamatan di Sabah khususnya di kawasan perairan terjamin; dan
- (b) mengapakah ESSCOM masih gagal menangani isu keselamatan di Sabah seperti berlakunya beberapa kes penculikan di negeri ini dan apakah usaha Kementerian untuk menanganinya.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan berpendapat bahawa penubuhan ESSCOM adalah perlu dan bertepatan bagi menyelaras segala aktiviti di ESSZONE dalam meningkatkan tahap keselamatan. Walaupun terdapat beberapa kekangan, ESSCOM telah dan sedang mengambil pelbagai langkah untuk menangani isu keselamatan di ESSZONE.
2. Langkah-langkah yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensi penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan untuk memastikan tahap keselamatan di Pantai Timur Sabah berada di dalam keadaan yang terkawal adalah seperti berikut:
 - i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
 - i) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;
 - ii) Response team/komuniti *policing* mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan APMM;

- iii) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
 - iv) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;
 - v) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
 - vi) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
 - vii) Pewujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;
 - viii) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
 - ix) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;
 - x) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
 - xi) Melaksanakan pendaftaran awal “*Pump Boat*” bagi tujuan pengawalan.
2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut

sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;
 - ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan
 - iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.
3. Adalah diyakini dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil di atas akan dapat mempertingkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah.

Sekian. Terima Kasih.